



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**JURUAUDIT (B.2 EB.3/ B.2)
JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- 1. JURUAUDIT
JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)
KEKOSONGAN= DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. TANGGAGAJI B.2 EB.3

- a) Mempunyai kelulusan *Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW)* atau *Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)* atau kelulusan profesional badan perakaunan yang diiktiraf.

ATAU

- b) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Ekonomi / Jurukur Bahan / Kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Bangunan / Kejuruteraan Skruktur / Kewangan / Pengurusan / Perakaunan atau bidang bersesuaian.


Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut di atas adalah kelebihan.

2. TANGGAGAJI B.2

- a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Ekonomi / Jurukur Bahan / Kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Bangunan / Kejuruteraan Skruktur / Kewangan / Pengurusan / Perakaunan atau bidang bersesuaian dan telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Audit sebagai Penolong Juruaudit Tingkat I atau dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



ATAU


- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Sebelum layak ditetapkan dalam jawatan Juruaudit dikehendaki lulus peperiksaan berikut:
 - i. Peperiksaan Jabatan (jika ada);
 - ii. Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan; dan
 - iii. Peraturan-Peraturan Kewangan.

Peperiksaan ii dan iii akan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.
4. Berkebolehan dan berkemahiran dalam hal perakaunan / penyeliaan serta berpengalaman dalam hal ehwal pengauditan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

SECARA AM:

1. Merancang dan menyediakan program pengauditan;
2. Mengawasi pengauditan yang dijalankan ke atas pelbagai kira-kira Kerajaan;
3. Memimpin dan melatih kakitangan di bawahnya dalam hal pengauditan;
4. Membuat draf / menyediakan laporan-laporan audit;
5. Mengulangkaji / mengeluarkan pertanyaan-pertanyaan audit / peringatan-peringatan;
6. Menyusuli laporan-laporan audit yang telah dikeluarkan; dan
7. Tugas-Tugas lain dan tanggungjawab yang akan diarahkan dari semasa ke semasa.



BAHAGIAN PENGAUDITAN, UNIT AUDIT PROJEK PEMBINAAN:

1. Merancang dan menyediakan program pengauditan projek-projek pembinaan;
2. Mengawasi pengauditan yang dijalankan ke atas pelbagai kira-kira Kerajaan yang berkaitan dengan projek-projek pembinaan;
3. Boleh membaca dan memahami syarat-syarat, spesifikasi dan lukisan-lukisan kontrak pembinaan;
4. Membuat lawatan ke tapak binaan dan memeriksa kesiapan bahan-bahan binaan;
5. Meneliti ketidakpatuhan ke atas mana-mana kehendak dalam arahan, spesifikasi, prosedur, pekeliling (surat keliling), piawaian dan perundangan yang ditetapkan dalam kontrak projek pembinaan;
6. Memimpin dan melatih kakitangan di bawahnya dalam hal pengauditan;
7. Membuat draf / menyediakan laporan-laporan audit;
8. Mengulang kaji / mengeluarkan pertanyaan-pertanyaan audit / peringatan-peringatan; dan
9. Menyusuli laporan-laporan audit yang telah dikeluarkan.